



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP

SEMPENA

**“TAKLIMAT PENGUKUHAN BAHASA KEBANGSAAN
DALAM IKLAN DI TEMPAT AWAM DAN
PENYAMPAIAN ANUGERAH CITRA BAHASA
MELAYU”**

23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

9.00- 10.30 PAGI

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM**

Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Encik Abdul Wahab Hamzah

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Puan Haniza Lockman

Perancang Bahasa Kanan dari pada Bahagian Penguatkuasaan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua - Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Taklimat Pengukuhan Bahasa Kebangsaan Dalam Iklan di Tempat awam dan Penyampaian Anugerah Citra Bahasa Melayu.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah sudi bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi melaksanakan program ini sebagai salah satu usaha memartabatkan bahasa kebangsaan dan meningkatkan citra Bahasa Melayu dalam iklan di tempat-tempat awam. Selamat datang kepada semua yang hadir terutama yang datang daripada luar Negeri Pulau Pinang.

Saya dimaklumkan bahawa program yang diadakan pada hari ini adalah bersempena dengan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 2017. Siapa lagi yang akan memartabatkan bahasa kita jika bukan kita sendiri. Secara tidak langsung, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga perlu memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan mutu penggunaan bahasa

Melayu di tempat awam, sama ada dalam aspek pengiklanan, penamaan jalan, penamaan taman perumahan dan sebagainya. Terima kasih kepada Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) kerana sudi bekerjasama dengan PBT untuk memberikan pandangan, menegur dan menasihati dengan sewajarnya untuk memantau papan-papan tanda dan iklan-iklan yang disediakan oleh Pihak PBT.

Kita semua sedia maklum apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka termaktublah dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152) bahawa Bahasa Kebangsaan negara kita adalah Bahasa Melayu. Hal ini membawa erti bahawa Bahasa Melayu adalah menjadi medium utama bagi semua urusan rasmi baik dalam tulisan mahupun lisan. Saya yakin dan percaya jika perkara ini dapat dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, kita mampu memperkasakan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

Oleh itu, dengan adanya taklimat pada pagi ini, saya berharap ianya dapat memberi manfaat kepada semua. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap Puan Haniza Lockman dalam penyampaian taklimat pengukuhan Bahasa Melayu bagi mengasah ilmu kita untuk kerja seharian kita. Untuk makluman semua, MPSP mempunyai Jawatankuasa Kebangsaan yang terdiri daripada kakitangan MPSP sendiri. Selain itu, pada 16

November 2017, seorang kakitangan MPSP, Encik Muhammad Nasir daripada Jabatan Perancang Bandar MPSP telah menerima Sijil Munsyi Mudah Bahasa daripada Tan Sri Zainal Rahim Bin Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

Akhir kata, saya ingin memberikan sekalung penghargaan kepada Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Utara (DBPWU) dan semua yang turut sama menjayakan program ini.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*